KURSUS PEMANTAPAN TAHSIN SOLAT 2026

PANDUAN SOLAT DAN HUKUM-HAKAM BERSUCI

DISEDIAKAN OLEH :
USTAZ HASRIZAL BIN HASAN
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM KANAN
PUSAT ISLAM UKM KAMPUS KUALA LUMPUR

PENDAHULUAN

MANUSIA DICIPTA ALLAH UNTUK BERIBADAH

- Ibadah secara umumnya adalah ketaatan kepada Allah s.w.t. sama ada melalui tingkah laku, perkataan dan niat. Ia merangkumi ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat dan seumpamanya dan ibadah umum yang merangkumi segala tindakan manusia di dalam melaksanakan segala tuntutan kehidupan dengan tujuan mencari keredaan Allah s.w.t.
- Matlamat penciptaan manusia dan jin adalah untuk beribadah kepada Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: *"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadah kepada-Ku"*. (Az-Zariyat :56)
- Solat adalah ibadah khusus yang difardukan Allah kepada hambanya sebagai ujian ketaatan hamba terhadap pencipta. Firman Allah s.w.t yang bermaksud: *"Dialah yang mencipta kematian dan kehidupan demi untuk menguji kamu siapakah dikalangan kamu yang baik amalannya".* Al-Mulk:2

PANDUAN DAN HUKUM HAKAM BERSUCI





HUKUM HAKAM BERSUCI

PENGERTIAN BERSUCI

- Bersuci pada bahasa ialah bersih dan terhindar daripada segala kotoran samada dalam bentuk *hissiah* atau pun *maknawiyah.*
- Bersuci pada istilah syarak ialah perbuatan yang apabila dilakukan akan mengharuskan sembahyang dan perkara yang berkaitan dengannya seperti wuduk, mandi, tayammum, dan menghilamgkan najis pada pakaian badan dan tempat.
- Islam mengambil berat kebersihan:

  Firman Allah yang bermaksud: "*Dan pakaian kamu hendaklah kamu bersihkan*" (Muddathir:4)

- Rasulullah s.a.w. banyak menekankan soal kebersihan. Rasulullah bersabda maksudnya:

  "Bersuci itu adalah sebahagian daripada iman" (HR Muslim)

- Sabda Rasulullah s.a.w : "*Lima perkara daripada fitrah: Berkhatan, mencukur bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan mennggunting misai*" Riwayat Bukhari dan muslim.



BAHAGIAN-BAHAGIAN AIR

1. Air Mutlak :
   Air yang suci dan menyucikan. Termasuk didalam bahagian ini air hujan, air laut, air sungai, air mata air, air salji, air perigi dan embun. Firman Allah *: "Dan kami turunkan daripada langit air yang suci lagi menyucikan"* (Al-Furqan:48)

2. Air Musyammas
   Air yang suci dan menyucikan tetapi makruh. Ia adalah air yang panas disebabkan cahaya matahari dengan syarat berikut :
   1. Ia berlaku pada negeri yang panas
   2. Ia diletakkan dalam bekas yang ditempa selain emas dan perak.
   3. Ia digunakan pada badan.

3. Air Mustakmal :

Air yang suci tetapi tidak menyucikan. Ia terbahagi kepada dua:

1. Air yang sedikit yang digunakan untuk taharah yang wajib.
2. Air mutlak yang bercampur dengan sesuatu yang suci yang tidak berhajat kepadanya dan memyebabkan ia berubah seperti air teh.

4. Air Mutanajjis

Air yang tidak suci dan tidak menyucikan. Ia adalah air yang terjatuh najis kedalamnya . Ia terbahagi kepada dua:

1. Air yang sedikit iaitu kurang dua kolah. Ukuran dua kolah adalah 500 kati Baghdadi. Ia menyamai 192.879 kg / 1 ¼ hasta empat persegi tinggi, lebar dan dalam / 230 liter.
2. Air yang sampai dua kolah atau lebih tetapi berubah salah satu sifatnya samada warna, rasa dan bau disebabkan najis.

JENIS JENIS BERSUCI

- Bersuci terbahagi kepada dua:
    1. Bersuci daripada najis
    2. Bersuci daripada hadas samada hadas kecil atau besar.

SUCI DARIPADA NAJIS

- Najis pada bahasa ialah semua benda yang kotor.
- Najis pada syarak ialah benda yang kotor yang menghalang daripada sah sembahyang seperti darah dan air kencing.
- Benda-benda najis:
    1. Arak dan semua cecair yang memabukkan .
    2. Anjing dan babi.
    3. Bangkai kecuali bangkai ikan, belalang dan mayat manusia.
    4. Darah yang mengalir dan nanah.
    5. Air kencing dan tahi.
    6. Setiap bahagian yang tercerai daripada binatang semasa ia hidup kecuali bulu haiwan yang dimakan dagingnya.

.

Najis Aini dan Najis Hukmi:

Najis Aini ialah najis yang mempunyai jirim atau yang mempunyai sifatnya yang zahir . Najis hukmi pula adalah najis yang telah kering dan kesan-kesannya telah hilang.

Pembahagian najis :

Najis terbahagi kepada tiga bahagian:

1. Najis Mughallazah (berat) iaitu anjing dan babi.
   Cara basuhannya: ia dibasuh dengan air sebanyak 7 kali basuhan dan salah satunya air yang bercampur dengan tanah.
2. Najis Mukhaffafah (ringan) iaitu air kencing kanak-kanak lelaki yang belum berumur 2 tahun dan tidak makan kecuali susu manusia.
   Cara basuhannya : memadai dengan merenjiskan air secara rata ke tempat najis tersebut.
3. Najis Mutawassitah (pertengahan) iaitu selain Najis mughallazah dan najis mutawassitah seperti air kencing dan tahi. Cara basuhannya dengan dialirkan air keatasnya sehingga hilang sifat-sifatnya.

NAJIS – NAJIS YANG DIMAAFKAN

1. Percikan air kencing yang terlalu sedikit yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.
2. Darah, nanah dan najis yang sedikit yang dibawa oleh lalat.
3. Darah atau nanah luka pada diri manusia yang bukan hasil daripada perbuatannya dan tidak mengalir ke tempat lain.
4. Tahi binatang yang sedikit mengenai bijian ketika ia memijaknya.
5. Tahi ikan di dalam air selagi air tersebut tidak berubah. Begitu juga semua yang termasuk *umum al-balwa*.
6. Darah yang ada dalam daging.
7. Mulut kanak-kanak yang terdapat najis muntah.
8. Tanah jalan yang mengenai manusia.
9. Bangkai yang tidak mengalir darahnya atau yang tidak berdarah seperti lalat, lebah semut dan seumpamanya dengan syarat ia terjatuh sendiri dan tidak mengubah keadaan cecair tersebut.

ISTINJA' DAN ADAB-ADABNYA

PENGERTIAN ISTINJA'

- Istinja' ialah menghilangkan najis atau mengurangkannya daripada tempat keluar kencing atau air besar.
- Hukumnya adalah wajib.

BENDA YANG HARUS DIBUAT ISTINJA'

- Benda yang harus dibuat istinja':
    1. Air mutlak
    2. Semua benda yang bersih yang keras lagi kesat yang boleh menghilangkan najis.

ADAB – ADAB ISTINJA'

Adab-adab yang berkaitan dengan tempat:

1.Menjauhi tempat laluan orang ramai.

2. Dalam lubang pada tanah


3. Dibawah pokok yang berbuah

4. Di dalam air yang bertakung.

Adab-adab yang berkaitan dengan cara istinja'.

1. Sunat melangkah masuk dengan kaki kiri dan keluar dengan kaki kanan.
2. Sunat membaca doa ketika masuk dan ketika keluar.
3. Haram mengadap kiblat atau membelakanginya sekiranya berada ditempat lapang dan tidak ada pendinding yang tinggi.
4. Sunat duduk diatas tumit kaki kiri dan mendirikan lutut kaki kanan serta tidak melihat ke langit, kemaluan dan najis yang keluar.
5. Beristinja' dengan tangan kiri.

PANDUAN BERSUCI DARIPADA HADATH



PANDUAN DAN HUKUM HAKAM WUDUK



TAARIF WUDHUK

PENGERTIAN WUDUK

- Wuduk pada bahasa bererti elok dan berseri
- Wuduk pada istilah syarak menggunakan air yang bersih pada anggota-anggota tertentu di mulai dengan niat.

DALIL WUDUK

- Firman Allah s.w.t :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ ۚ وَإِن كُنتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا ۚ وَإِن كُنتُم مَّرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنكُم مِّنَ الْغَائِطِ أَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُم مِّنْهُ ۚ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُم مِّنْ حَرَجٍ وَلَٰكِن يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: *"Wahai orang-orang yang beriman ! Apabila apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu hingga kesiku dan sapulah kepalamu dan basuhlah kakimu hingga ke buku lali..."*. (Al-Maidah:6)

FARDHU/RUKUN WUDHUK

1. Niat ketika membasuh bahagian pertama daripada muka.
2. Membasuh seluruh muka. Sempadan muka dari segi memanjang bermula dari tempat tumbuh rambut bahagian atas hingga bahagian paling bawah dagu dan dari segi lebarnya pula daripada telinga hingga ke telinga.
3. Membasuh kedua tangan hingga ke siku
4. Menyapu sebahagian daripada kepala
5. Membasuh kedua-dua kaki hingga ke buku lali
6. Tertib

SUNAT WUDHUK

1. Membaca Bismillah
2. Membasuh dua tapak tangan sebanyak 3 kali
3. Menggunakan sugi.
4. Berkumur-kumur
5. Memasukkan air ke dalam hidung.
6. Menyelati janggut yang tebal.
7. Menyapu semua bahagian kepala.
8. Menyelati jari tangan dan kaki.
9. Menyapu kedua-dua telinga zahir dan batin.
10. Mendahulukan membasuh anggota kanan dari kiri
11. Membasuh atau menyapu tiap-tiap anggota 3 kali

12. Mendahulukan yang kanan dari yang kiri.
13. Mengosok anggota wuduk.
14. Berturut-turut
15. Melebihkan membasuh bahagian atas daripada siku dan dua buku lali.
16. Berserdahana menggunakan air.
17. Mengadap kiblat.
18. Tidak bercakap-cakap ketika berwuduk.
19. Doa selepas wudhuk

PERKARA YANG MEMBATALKAN WUDHUK

Terdapat 5 perkara yang membatalkan wuduk:

1. Keluar sesuatu dari salah satu saluran kemaluan qubul dan dubur) seperti air kencing, tahi, kentut, air mazi, air wadi dan lain-lain.
2. Tidur yang tidak tetap punggungnya.
3. Hilang akal dengan sebab mabuk,gila,sakit dan pitam.
4. Bersentuh kulit lelaki dan perempuan yang bukan mahram.
5. Menyentuh kemaluan (qubul dan dubur) sendiri atau orang lain dengan tapak tangan dan perut jari tanpa berlapik.

PERKARA YANG DISYARIATKAN BERWUDUK KETIKA HENDAK MELAKUKANNYA

Terdapat 3 perkara yang disyariatkan berwuduk ketika hendak melakukannya:

1. Sembahyang.
2. Tawaf mengelilingi kaabah .
3. Menyentuh al – Quran dan menanggung atau membawanya.

MENYAPU DI ATAS BALUTAN ATAU IKATAN





MENYAPU DI ATAS BALUTAN ATAU IKATAN

Wudhuk Pesakit Yang Dibalut Anggota Dengan Pembalut Luka

Jika seseorang yang mengalami kecederaan atau patah mana-mana anggota wudhuknya dan memudharat kannya jika terkena air atau memudharatkannya sekiranya dibuka balutan tersebut. Maka syarak telah mengariskan panduan seperti berikut :

1. Membasuh bahagian yang selamat (tidak sakit) pada anggota yang luka atau patah.
2. Menyapu seluruh balutan atau ikatan sekiranya luka tersebut pada anggota wudhuk. Tempoh menyapu akan terbatal apabila sakit telah sembuh.
3. Bertayamum sebagai ganti membasuh bahagian yang sakit apabila sampai pada anggota tersebut ketika berwudhuk.

Dalil Menyapu Di atas Balutan

Dalil yang disyariatkan sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Jabir r.a bahawa dia berkata:

"Kami telah keluar bermusafir, tiba-tiba salah seorang daripada kami, kepalanya terkena batu lalu melukakannya . Kemudian (ketika tidur) dia bermimipi (yang menyebabkannya berhadas besar) dan (apabila bangun) dia bertanya pada para sahabatnya : Adakah kamu mendapati keringanan (keizinan) bagiku untuk bertayamun ? Mereka menjawab : Kami tidak mendapati keringanan untuk kamu berbuat demikian kerana kamu mampu menggunakan air. Lalu diapun mandi kemudian mati. Apabila kami sampai kepada Rasulullah s.a.w, kami menceritakan apa yang berlaku. Lalu Rasulullah s.a.w bersabda : Mereka telah membunuhnya dan semoga Allah membunuh mereka. Kenapa mereka tidak bertanya apabila mereka tidak tahu? Sesungguhnya ubat kepada kesamaran atau kekeliruan itu ialah bertanya.Sesungguhnya memadai dengan dia bertayamun dan membalut lukanya dengan perca kain, kemudian dia menyapu di atasnya dan membasuh seluruh badannya."

Tempoh menyapu diatas balutan

- Tempoh menyapu diatas balutan akan tamat apabila sakit (seperti luka) telah sembuh.
- Apabila tempoh sapu telah tamat sedangkan dia dalam keadaan berwuduk, maka dia wajib membuka balutan dan menyapu/ membasuh anggota tersebut serta anggota wuduk selepasnya disebabkan wajibnya tertib pada anggota wuduk. Bagi pesakit yang berhadas besar memadai ia membuka balutan dan membasuh bahagian tersebut sahaja.
- Orang yang memakai balutan, wajib mengqadakan semula solatnya jika:-

1. Apabila dia meletakkan balutan dalam keadaan tidak suci (berhadas).
2. Balutan itu berlaku pada anggota tayamum.
3. Apabila bahagian yang sihat dibalut melebihi kadar yang sepatutnya.

PERMASALAHAN WUDHUK PESAKIT

1) ***Wudhuk Pesakit yang sentiasa keluar sesuatu daripada kemaluan depan dan belakang seperti sul-sul baul dan wanita yang istihadah.***

Bagi pesakit yang sentiasa keluar sesuatu yang membatalkan wudhuk seperti sentiasa keluar titisan air kencing, najis dan lain-lainnya maka pesakit tersebut perlu meraikan beberapa perkara sebelum wudhuk iaitu:

(a) Menunggu masuknya waktu solat

(b) Membersihkan najis dengan sebaiknya (semampu yang boleh)

(c)Menyumbat atau membalut tempat keluar najis tersebut jika mampu berbuat demikian dan tidak memudaratkan.

(d)Hendaklah segera berwudhuk dan niat seperti berikut:

“Sahaja aku mengambil wudhuk untuk mengharuskan solat kerana Allah Taala”

(e)Menunaikan solat serta–merta selepas mengambil wudhuk (Mualat)

(f)Wudhuk ini hanya boleh digunakan untuk satu solat fardhu sahaja dan beberapa banyak solat sunat dan hendaklah memperbaharui wudhuk setiap kali hendak menunaikan solat fardu.

(2) Wudhuk Orang Yang Kehilangan Atau Cacat Anggota Wudhuk

- Sekiranya sebahagian anggota wudhuk terpotong dan sebagaian lagi masih ada, maka ketika mengambil wudhuk, wajib dibasuh anggota yang masih ada.

- Sekiranya anggota wudhuk telah tiada langsung atau terpotong maka sunat dikenakan air wudhuk pada anggota lain yang bersambung dengan anggota wudhuk.

(4) ***Pesakit YangTidak Boleh Menggunakan Air***

- Bagi pesakit yang keuzuran dan tidak boleh menggunakan air pada anggota badan seperti melecur atau penyakit-penyakit tertentu mereka diberi keringanan oleh syarak untuk bertayammum.
- Bagi pesakit yang keuzuran dan tidak boleh menggunakan air dan debu tayamum pada anggota badan disebabkan penyakit-penyakit yang kronik, maka syarak telah memberi keringanan kepadanya untuk bersolat tanpa wudhuk dan tayamum.
- Walaubagaimana pun menurut kebanyakkan ulama terutamanya mazhab Syafie dan Hanafi wajib ke atas orang yang tidak mampu berwudhuk atau bertayammun menunaikan solat serta perlu mengulangi solatnya setelah sembuh.

(5) **Wudhuk Pesakit Yang Tidak Mampu Menggerakkan Anggota Badan.**

- Bagi pesakit yang tidak mampu menggerakkan anggota badannya seperti lumpuh, sangat tua dan seumpamanya sehingga tidak mampu mengambil wudhuk sendiri, maka ia wajib meminta bantuan daripada seseorang yang boleh membantunya berwudhuk walaupun dengan memberi upah kepadanya.
- Sekiranya tiada orang yang boleh membantunya melainkan yang berlainan jantina, maka Syarak membenarkan orang yang berlainan jantina untuk membantunya mengambil wudhuk. (Sebaiknya jururawat membantu dengan memakai sarung tangan)
- Sekiranya tiada orang yang boleh membantunya, maka hendaklah ditunaikan juga solat meskipun tanpa wudhuk atau tayamum. Namun ia wajib mengqada'kan solatnya itu setelah ia sembuh atau mampu berwudhuk atau bertayamum.

(6) Wudhuk Pesakit Yang Menggunakan Beg Kolostomi

- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-79 yang bersidang pada 6 - 8 September 2007 telah membincangkan Hukum Pelaksanaan Ibadah Bagi Pesakit Yang Menggunakan Beg Kolostomi. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Pesakit yang menggunakan beg kolostami dikategorikan sebagai mereka yang mengalami masalah dharurat dan tidak dianggap sebagai menanggung najis. Oleh itu, mereka tidak perlu mengosong atau membersihkan beg kolostami setiap kali berwudhu' atau menunaikan solat.
2. Wudhu' yang diambil oleh pesakit harus digunakan untuk melaksanakan semua ibadah termasuk menunaikan solat fardhu sehingga wudhu' tersebut terbatal. baul .

Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada **28 Okt 2007** telah membincangkan mengenai kaedah melaksanakan ibadat bagi pesakit yang menggunakan Beg Kolostomi. Mesyuarat telah membuat keputusan fatwa seperti berikut:

1. **Pesakit-pesakit yang terpaksa menggunakan beg kolostomi adalah termasuk di dalam golongan orang yang uzur syar"ie dan mereka tidak terikat dengan salah satu syarat yang membatalkan wudu"** untuk menunaikan solat iaitu keluar sesuatu daripada 2 jalan iaitu qubul dan dubur seperti yang disyaratkan kepada orang yang sihat.
2. Oleh itu, **wudu" mereka tidak terbatal walaupun najis keluar kedalam beg kolostomi mereka. Keadaan mereka dihukumkan sebagaimana hukum seseorang yang mengalami silsu baul (air kencing sentiasa menitik) dan wanita yang mengalami istihadhoh**. Dalam kedua-dua keadaan ini, telah disepakati oleh para fuqaha" bahawa tidak terbatal wudu" mereka walaupun najis telah keluar daripada 2 kemaluan mereka selepas mereka berwudu" untuk menunaikan solat.

3. Penggunaan beg kolostomi juga boleh dianggap sebagai usus mekanikal iaitu pengganti kepada usus yang asal dan ia merupakan sebahagian daripada perut. Oleh itu selagi mana najis belum terkeluar daripada beg kolostomi ini, najis itu dikira masih berada di dalam badan pesakit dan wudu" tidak akan terbatal dengan sebab keluar najis ke dalam beg tersebut.
4. Ketika hendak mengambil wudu", pesakit-pesakit yang terpaksa menggunakan beg kolostomi ini tidak perlu mengosongkan beg kolostomi mereka setiap kali mengambil wudu" kerana keuzuran mereka kecuali perkara itu tidak menyusahkan pesakit berkenaan. Mereka dikehendaki mengambil wudu" apabila telah masuk waktu solat dan menyegerakan pelaksanaan solat sebaik sahaja berwudu".

PANDUAN DAN HUKUM HAKAN MANDI



TAARIF MANDI

BAHASA

Mengalir air ke atas apa sahaja benda.

ISTILAH

Mengalirkan air ke atas badan dengan niat tertentu.

DALIL MANDI

Dalil daripada al-Quran

Allah berfirman yang bermaksud **: "*Sesungguhnya Allah kasih kepada orang-orang yang suka bertaubat dan bersih.*"**

(Al-Baqarah :222)

Dalil daripada As-Sunnah

Daripada Abu Hurairah r.a bahawa dia berkata, Rasulullah telah bersabda : *"Menjadi tanggungjawab ke atas setiap orang islam untuk mandi sehari dalam tujuh hari; dia membasuh kepala dan tubuh badannya."* Riwayat Bukhari dan muslim

Dalil daripada Ijmak

Sesungguhnya para ulamak mujtahid telah bersepakat bahawa mandi untuk membersihkan tubuh badan adalah disunatkan dan mandi menjadi syarat sah ibadat adalah wajib.

BAHAGIAN-BAHAGIAN MANDI

Mandi terbahagi kepada dua bahagian:

1. Mandi yang diwajibkan.
2. Mandi yang di sunatkan.

MANDI YANG DIWAJIBKAN

1. JANABAH

Sebab-sebab janabah

1.Keluar mani daripada lelaki dan perempuan dengan apa sebab sekalipun.

2.Bersetubuh walaupun tanpa keluar mani.

Perkara yang diharamkan disebabkan janabah

1. Sembahyang fardhu atau sunat.
2. Tinggal dan duduk di dalam masjid.
3. Tawaf mengelilingi kaabah,samada fardhu atau sunat.
4. Membaca al- Quran
5. Menyentuh al- Quran,menanggungnya atau menyentuh kertas dan kulit atau membawanya dalam bekas plastik atau peti.

2. HAID

Haid ialah darah tabie yang disebabkan oleh sifat-sifat atau tabiat yang normal yang keluar dari pangkal rahim perempuan selepas ia baligh dengan cara yang betul pada waktu tertentu.

Tempoh haid

1. Tempoh paling pendek ; satu hari satu malam.
2. Tempoh paling panjang; 15 hari 15 malam.
3. Tempoh *ghalib (kebiasaan) 6 atau 7 hari.*

Perkara yang diharamkan ketika haid

1. Sembahyang
2. Berpuasa.
3. Membaca al –Quran.
4. Tinggal di dalam masjid dan tidak haram melintasinya jika tidak dibimbangi mencemarkan masjid.
5. Tawaf
6. Bersetubuh.

3.BERANAK / NIFAS

Beranak ialah melahirkan apa yang ada dalam kandungan.

Manakala nifas pula ialah darah yang keluar selepas beranak.

Tempoh nifas

Sekurang-kurangnya tempoh nifas ialah seketika dan kadang-kadang berterusan beberapa hari. Pada kebiasaannya 40 hari dan paling maksimun 60 hari.

Darah yang keluar ketika mengandung:-

1. Pandangan yang Azhar, jika ia keluar berdasarkan tempoh haid maka ia dikira haid. Jika bukan tempoh haid ia dikira sebagai istihadah.
2. Sebahagian ulama berpandangan darah yang keluar Ketika Perempuan hamil adalah darah istihadah secara mutlak.

Tempoh mengandung:

- Sekurang-kurang tempoh mengandung adalah enam bulan. Ini difahami melalui ayat al-Quran:
  - وَحَمْلُهُ وَفِصَالُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا ۚ Maksud: "Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan."
  - وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ Maksud: "dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun";
- Tempoh kebiasaan mengandung adalah 9 bukan.
- Tempoh paling lama mengandung disisi Imam Syafie 4 tahun.

4. MATI

Apabila seseorang muslim mati, maka menjadi fardhu kifayah kepada muslim yang hidup untuk memandikannya selain daripada mati syahid.

MANDI YANG DISUNATKAN

1. Mandi pada hari jumaat
2. Mandi pada dua hari raya
3. Mandi gerhana matahari dan bulan
4. Mandi untuk sembahyang istisqa'(semabahyang minta hujan)
5. Mandi selepas memandikan mayat
6. Mandi yang berkaitan dengan ibadat haji

RUKUN MANDI

Rukun mandi dua perkara:

1. Niat
2. Mengalir air ke seluruh tubuh badan

SUNAT-SUNAT MANDI

1. Membasuh kedua-dua tangan di luar daripada bekas air
2. Berwudhuk dengan wudhuk yang sempurna
3. Menyelati rambut kepala dengan air kemudian membasuh kepala 3 kali.
4. Membasuh bahagian kanan dahulu kemudian bahagian kiri.
5. Menggosok tubuh dan berturut-turut dalam membasuh anggota.
6. Membasuh bahagian lipatan anggota badan.
7. Membasuh 3 kali qias kepada wudhuk.

PANDUAN DAN HUKUM HAKAM TAYAMUM





TAARIF TAYAMUM

Bahasa

Qasad atau tuju

Istilah

Menyapu debu tanah yang suci ke muka dan kedua tangan dengan niat dan cara yang tertentu.

SYARAT-SYARAT TAYAMUM

1. Ketiadaan air atau air yang ada hanya mencukupi keperluan untuk makan dan minum.
2. Keuzuran menggunakan air kerana sakit.
3. Dilakukan setelah masuk waktu solat.
4. Mengetahui arah qiblat sebelum bertayamum.
5. Menggunakan debu tanah yang suci.

SYARAT-SYARAT SAH TAYAMMUN

1. Hendaklah menggunakan debu,samada debu kasar ataupun halus.
2. Hendaklah debu tersebut bersih daripada najis ataupun tidak bercampur najis.
3. Hendaklah debu tersebut tidak bercampur dengan sebarang benda lain seperti tepung ataupun kapur putih dan sebagainya.
4. Hendaklah menyucikan tubuh badan dan pakaian daripada najis terlebih dahulu (sekadar termampu) sebelum bertayammun.
5. Sunat mengadap kiblat sekiranya mampu berbuat demikian.
6. Hendaklah bertayammun ketika masuk waktu solat.
7. Hendaklah bertayammun setiap kali hendak menunaikan solat fadhu.

8. Sekiranya diniatkan tayammun untuk solat fardhu maka ia boleh digunakan untuk satu solat fardhu dan solat-solat sunat yang berada di dalam waktunya. Sebaliknya sekira diniatkan untuk solat sunat maka tidak boleh disertai solat fardhu.Ini kerana solat fardhu lebih berat daripada solat sunat.

9. Hendaklah dilewatkan tayammun dan solat, sekiranya ada harapan untuk mendapatkan air mengikut jumhur ulamak,tetapi sekiranya tiada harapan untuk mendapatkan air atau tidak boleh menggunakan air maka disunatkan segera bertayammun dan solat.

10. Menyapu muka dan dua tangan hingga ke siku dengan dua kali tepuk.Tepukan pertama bagi muka dan tepukan kedua bagi tangan.

FARDHU / RUKUN TAYAMMUN

- Niat
- Menyapu debu ke muka
- Menyapu debu ke tangan sehingga ke siku (menggunakan debu lain selain daripada debu yang telah disapu ke muka)
- Tertib

SUNAT TAYAMMUN

- Membaca *Bismillahirrahmanirrahim.*
- Menyapu muka dari atas ke bawah.
- Mendahulukan kanan daripada kiri.
- Menipiskan penggunaan debu tanah seperti dengan cara dua tepi tangan.
- Menjarangkan anak jari ketika menepuk debu.
- Menyelati anak-anak jari jika debu telah mengenai di antara anak-anak jari.Jika tidak mengenai debu di antaranya maka wajiblah diselati.
- Jangan diangkatkan tangan ketika menyapu anggota tangan kecuali telah sempurna sapuannya.

- Mengadap kiblat.
- Melebihi sapuan daripada yang wajib disapu.
- Sunat menanggalkan cincin bagi tepukan pertama untuk menyapu muka,tetapi menyapu tangan wajib menanggalkan cincin.
- Membaca doa wudhuk selepas bertayammun.
- Tidak menyapu lebih daripada sekali.
- Menghilangkan saki baki debu tanah yangdisapu pada anggota tayammun pada telapak tangan.
- Melakukannya berturut-turut.

PERKARA YANG MEMBATALAKAN TAYAMMUN

1. Setiap perkara yang membatalkan wudhuk juga merupakan perkara yang membatalkan tayammun.
2. Terdapat air dan mampu menggunakannya.
3. Air diperolehi sebelum memulakan solat bagi mereka yang bertayammun kerana ketiadaan air.
4. Murtad
5. Habis waktu solat
6. Hilang keuzuran yang membolehkan ia bertayammun. Contoh orang sakit yang kembali sembuh dan sebagainya.

❖ (Cara bertayammun praktikal daripada penceramah)

PANDUAN DAN HUKUM-HAKAM SOLAT



PENGENALAN SOLAT

PENGERTIAN SOLAT

- Solat pada bahasa ialah doa.
- Pada istilah syarak pula ialah perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan tertentu yang dimulai dengan takbirratul ihram dan diakhiri dengan salam dengan syarat-syarat tertentu.

DALIL SOLAT DISYARIATKAN

- Firman Allah yang bermaksud : *"Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya kepada orang-orang yang beriman"* (An-Nisa':103)
- Sabda Rasulullah kepada Muaz ketika mengutuskannya ke negeri Yaman: "Serulah mereka kepada pengakuan bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku adalah Muhammad Rasulullah. Sekiranya mereka mentaati perkara tersebut, maka ajarkan kepada mereka bahawa Allah memfardukan kepada mereka sembahyang lima waktu sehari semalam..." Riwayat Bukhari dan Muslim

HIKMAH SOLAT

- Mengingatkan manusia kepada identitinya yang sebenar iaitu hamba kepada Allah.
- Agar jiwa manusia sentiasa merasakan hanya Allah yang memberi bantuan dan nikmat kepadanya.
- Solat menyucikan diri daripada dosa dan maksiat. Sabda Rasulullah s.a.w : *"Sembahyang lima waktu seumpama sungai yang mengalir dengan air yang begitu banyak dipintu rumah seseorang kamu. Setiap hari dia mandi sebanyak lima kali"*. Riwayat Imam Muslim.
- Solat merupakan makanan rohani yang berterusan kepada akidah dan keyakinan diri kepada Allah.

KEPENTINGAN SOLAT

- Solat tiang agama
- Solat adalah amalan yang pertama yang aka dihisab oleh Allah. Sabda Rasulullah s.a.w. *: "Perkara pertama yang akan dihisab pada hari Qiamat ialah solat. Sekiranya solat hamba itu baik, maka ia akan selamat dan berjaya. Sekiranya solatnya rosak, maka ia akan rugi dan binasa. Sekiranya solat fardhunya terdapat kekurangan, Allah akan berfirman: Lihatlah adakah hamba-Ku ini mempunyai amalan sunat yang boleh menampung dan menyempurnakan kekurangan tersebut".* Riwayat: Tarmizi
- Solat adalah perisai yang boleh memelihara pelakunya daripada terjebak dalam kancah dosa dan maksiat. Firman Allah s.w.t. : *"Sesungguhnya solat boleh mencegah daripada perkara-perkara keji dan kemungkaran"*. Al-Ankabut: 45

SEJARAH SOLAT

- Solat telah disyariatkan oleh Allah sejak zaman dahulu lagi. Allah berfirman tentang nabi Ismail a.s : *"Dan dia menyuruh ahlinya bersolat dan menunaikan zakat dan dia adalah seorang yang diredai oleh Tuhannya".* Maryam:55

- Ketika nabi Muhammad s.a.w dibangkitkan, baginda bersolat dua rakaat setiap pagi dan petang sehinggalah diturunkan kefarduan solat lima waktu pada malam isra' dan mikraj.

HUKUM ORANG YANG MENINGGALKAN SOLAT

- Orang yang meninggalkan solat kerana mengingkari kewajipannya atau mempersenda-sendakannya, dia dihukumkan sebagai kafir dan murtad. Pemerintah islam wajib menyuruhnya bertaubat. Sekiranya ia bertaubat, ia dilepaskan. Sekiranya ia enggan bertaubat ia hendaklah dibunuh disebabkan kemurtadannya.
- Orang yang meninggalkan solat kerana malas sedangkan dia masih beriktikad bahawa solat adalah wajib, maka dia dihukumkan sebagai fasik. Pemerintah islam wajib menyuruhnya bertaubat dan mengqada semula sembahyang yang telah ditinggalkannya. Sekiranya ia bertaubat, ia dilepaskan. Sekiranya ia enggan bertaubat ia hendaklah dibunuh sebagai melaksanakan hukuman hudud. Walau bagaimanapun ia tetap dianggap sebagai islam dan diuruskan jenazahnya sebagaimana orang islam yang lain.

ANCAMAN TERHADAP MEREKA YANG TIDAK BERSOLAT

- Firman Allah s.w.t ketika menceritakan tentang penghuni neraka Jahim : *"Apakah sebabnya kamu berada dalam neraka ini? Penghuni neraka menjawab: Kami tidak bersolat! Dan kami tidak memberi makan kepada orang-orang miskin..."* Al-Mudathsir :32-34

- Firman Allah lagi : *"Celakalah orang yang bersolat, yang lalai dalam solat mereka, dan yang riak dan menunjuk-nunjuk"* Al-Maa'un:4-6. *Sabda Rasulullah s.a.w: Mereka adalah orang yang melewat-lewatkan solat sehingga kehabisan waktu"!*

WAKTU-WAKTU SOLAT YANG WAJIB

1. Subuh
2. Zohor
3. Asar
4. Maghrib
5. Isyak

WAKTU-WAKTU YANG MAKRUH SOLAT

Makruh bersolat (bagi solat yang tidak mempunyai sebab-sebab yang berkait) sebagai makruh tahrim (makruh yang hampir ke tahap haram) pada waktu-waktu berikut :

1. Ketika matahari berada ditengah-tengah langit kecuali pada hari jumaat.
2. Selepas solat subuh sehingga matahari naik setinggi segalah.
3. Selepas solat asar sehingga jatuh matahari.

MENGULAGI SOLAT & QADA' SOLAT

- Mengulangi solat ialah seseorang yang mendapati solat yang dilaksanakan terdapat kecacatan dan kekurangan dalam adab-adabnya lalu ia mengulangi solat untuk menyempurnakan kekurangan tersebut seperti seseorang yang telah melakukan solat bersendirian lalu didapai ada jamaah. la mengulangi solat secara berjamaah. Hukumnya sunat.
- Qada' ialah mendirikan solat selepas waktunya atau selepas waktu berbaki tidak sempat ditunaikan satu rakaat.
- Jumhur ulamak sepakat bahawa orang yang meninggalkan solat wajib mengqadakannya samada terlupa atau sengaja.Ini berdasarkan hadis Imam Bukhari , Muslim dan lainnya. Sabda Rasulullah s.a.w: من نام عن الصلاة أو نسيها فليصلها إذا ذكرها، لا كفارة لها إلا ذلك

  Maksudnya: *Sesiapa yang tertidur atau terlupa mendirikan solat, maka hendaklah dia solat (qada') apabila ia mengingatinya dan tiada kaffarah melainkan melaksanakan perkara tersebut.*

- Orang yang meninggalkan solat kerana sesuatu keuzuran seperti terlupa atau tertidur, maka ia tidak berdosa dan tidak wajib menggqadakannya dengan segera.
- Orang yang meninggalkan solat dengan sengaja tanpa sesuatu keuzuran, maka ia berdosa dan wajib menggqadakannya dengan segera.

PENGENALAN AZAN

PENGERTIAN AZAN DAN IQAMAH

- Azan dan iqamah adalah dua perkara sunat dilakukan sebelum melakukan mana-mana sembahyang fardhu.

- Azan merupakan lafaz khusus yang disyariatkan untuk menyatakan masuknya waktu solat dan untuk menyeru orang ramai.

- Iqamah pula bermaksud sebutan tertentu untuk membangkitkan para hadirin mengerjakan sembahyang

HUKUM AZAN DAN IQAMAH

- Azan dan iqamah adalah sunnah mu'akkadah secara kifayah sebelum menunaikan setiap sembahyang fardhu sama ada dilakukan secara berjama'ah atau bersendirian, sama ada sembahyang qadha' atau tunai bagi orang lelaki.

- Bagi lelaki yang bersembahyang bersendirian, kedua-duanya (azan dan iqamah) disunatkan secara 'aini. Bagi kaum wanita pula, sama ada berseorangan atau berjama'ah disunatkan melakukan iqamah sahaja kerana dikhuatiri boleh menimbulkan fitnah dengan meninggikan suara mereka.

LAFAZ AZAN DAN ATURAN MELAKUKANNYA

اللَّه أكبر، اللَّه أكبر، اللَّه أكبر، اللَّه أكبر،

أشهد ألاّ إله إلاّ اللَّه، أشهد ألاّ إله إلاّ اللَّه،

أشهد أن محمداً رسول اللَّه، أشهد أن محمداً رسول اللَّه

حيّ على الصلاة، حيّ على الصلاة، حيّ على الفلاح، حيّ على الفلاح،

اللَّه أكبر، اللَّه أكبر، لا إله إلاّ اللَّه

- Pada azan subuh pula ditambah kalimah الصلاة خير من النوم sebanyak dua kali selepas حيّ على الفلاح kali yang kedua.
- Sembahyang-sembahyang sunat yang dilakukan berjama'ah seperti sembahyang sunat hari raya, tarawih dan sebagainya tidak disunatkan azan dan iqamah. Cuma dilaungkan semasa hendak menunaikannya dengan lafaz الصلاة جامعة atau pada sembahyang tarawih diucap صلاة القيام اثابكم الله

LAFAZ IQAMAH

اللهُ أكْبَرُ ، اللهُ أكْبَرُ ، أشْهَدُ أنْ لا إله إلاّ اللهُ ، أشْهَدُ أنّ مُحَمّدًا رَسُوْلُ اللهِ ،
حَيَّ عَلى الصّلاةِ ، حَيَّ عَلى الفلاح ، قدْ قامَتِ الصّلاةُ ، قدْ قامَتِ الصّلاةُ ،
اللهُ أكْبَرُ ، اللهُ أكْبَرُ ، لا إله إلاّ اللهُ .

- Syarat-syarat iqamah adalah sama seperti azan, tetapi dibolehkan jika dilakukan oleh kaum wanita sama ada semasa sembahyang bersendirian atau berjama'ah sesama mereka.
- Selain itu, iqamah juga disyaratkan tidak diselangi dengan diam yang terlalu lama di antaranya dengan takbiratul ihram kecuali sekadar imam menyuruh agar membetulkan saf. Iqamah hendaklah dilakukan dengan cepat kerana ia disyari'atkan bagi memberitahu mereka yang telah hadir untuk mengerjakan sembahyang.
- Perkara-perkara sunat semasa iqamah juga hampir sama dengan azan, cuma disunatkan kepada orang yang mendengar iqamah menjawab dengan kalimah (أقامَهَا وأدامَهَا) semasa bilal menyebut yang قَدْ قَامَتِ الصَّلاةُ، قَدْ قَامَتِ الصَّلاةُ kedua.

SYARAT-SYARAT SAH AZAN

1. Islam.
2. Mumayyiz
3. Lelaki
4. Masuk waktu solat .
5. Melafazkan kalimah-kalimah azan dengan tertib.
6. Berturut-turut (mualat) antara kalimah-kalimahnya.
7. Hendaklah dinyaringkan suara sekiranya azan tersebut untuk jama‘ah.

PERKARA SUNAT SEMASA AZAN

1. Mu'azzin hendaklah suci daripada hadath kecil atau hadath besar.
2. Menghadap ke arah qiblat.
3. Dilakukan oleh orang yang baik dan merdu suaranya serta nyaring.
4. Dilaungkan di tempat yang tinggi kecuali jika menggunakan pembesar suara.
5. Dilakukan secara berdiri kecuali uzur.
6. Memalingkan muka ke sebelah kanan semasa menyebut حيّ على الصلاة dan ke sebelah kiri semasa menyebut حيّ على الفلاح dengan keadaan dada yang tetap.
7. Melakukan tarji' semasa azan iaitu menyebut dua kalimah secara senyap sebelum dinyaringkan.
8. Melakukan tathwib semasa azan subuh iaitu menyebut kalimah (الصّلاةُ خَيْرٌ مِنَ النّوْم) sebanyak dua kali selepas laungan (حَيَّ عَلى الْفلاح)

9. Meletakkan jari-jari tangan di kedua-dua telinga ketika azan dengan tujuan untuk meninggikan suara.
10. Orang yang mendengar azan hendaklah diam dan mengulangi apa yang disebut oleh mu'azzin kecuali ketika mu'azzin menyebut kalimah (حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ) dan (حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ) maka hendaklah dijawab dengan kalimah . (لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ)
    Begitu juga ketika tathwib, hendaklah dijawab dengan lafaz (صَدَقْتَ وَبَرَرْتَ)

11. Berdoa dan salawat ke atas Nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wasallam selepas azan seperti berikut:

    اللهمَّ ربَّ هذه الدعوةِ التامَّةِ، والصَّلاةِ القائمةِ، آتِ محمدًا الوسيلةَ والفضيلةَ،

    وابعثْه مقامًا محمودًا الذي وعدتَه

SYARAT- SYARAT WAJIB SOLAT

1. Islam
2. Baligh
3. Berakal
4. Suci daripada haid dan nifas bagi perempuan.

SYARAT-SYARAT SAH SOLAT

1. Suci daripada hadas kecil dan besar.
2. Suci daripada najis pada badan, pakaian dan tempat solat.
3. Menutup aurat samada di tempat yang sunyi atau ditempat awam.
4. Mengadap kiblat
5. Mengetahui waktu masuk solat.
6. Meninggalkan perkara yang membatalkan solat.

RUKUN SOLAT

Solat mempunyai 13 rukun:-

1.Niat.

Niat solat mesti disertakan ketika takbiratul ihram. Tidak disyaratkan berlafaz tetapi sunat.

2.Berdiri betul ketika solat fardhu bagi yang mampu.

Sunat berdiri bagi solat sunat.

3.Takbiratul ihram.

Syarat: Melafazkannya Ketika berdiri tegak.

Mengadap kiblat.

Dalam bahasa arab.

Mendengar kesemua huruf yang dilafazkan.

Disertai dengan niat Ketika takbiratul ihram

4. Membaca al-Fatihah.

Syaratnya:

Mendengar bacaannya.

Bacaan secara tartib dan manjaga makhraj huruf.

Melafazkan kalimah dengan betul dan tidak mengubah makna.

Bahasa arab.

Dibaca dengan sempurna ketika berdiri.

5. Rukuk serta tumakninah.

Syaratnya:-

-Membongkok dengan kadar tapak tangan sampai ke lutut.

-Tidak berniat dengan tujuan lain.

-Tamakninah

6. I'tidal .

Syaratnya;

-Tidak berniat dengan tujuan lain.

-Tomakninah

-Tidak terlalu lama

7. Sujud dua kali dalam setiap rakat.

Sabda Rasulullah s.a.w :

عن عبدالله بن عباس رضي الله عنهما :أن النبي صلى الله عليه وسلم قال)) :أمرت أن أسجد على سبعة أعظُمٍ :على الجبهة وأشار بيده على أنفه، واليدين، والركبتين، وأطراف القدمين، متفق عليه، وفي رواية للبخاري)) :أمرنا[2]

Syaratnya:

-Dahi wajib terbuka.

-Sujud diatas 7 anggota ; dahi, kedua tapak tangan, kedua lutut dan hujung jari kedua kaki.

-Punggung lebih tinggi daripada kepala.

-Tidak sujud pada pakaian yang bersambung dengannya yang bergerak dengan gerakannya.

-Tidak berniat dengan tujuan lain.

-Rapat dilantai.

-Tomakninah

8. Duduk di antara dua sujud.

Syaratnya:-

-Tidak berniat dengan tujuan lain.

-Tidak terlalu lama.

-Tomakninah.

9. Duduk akhir untuk membaca tahiyyat akhir.

10. Membaca tasyahud/tahiyyat akhir pada duduk akhir rakaat.

Lafaz tasyahud:

التَّحِيَّاتُ المُبَارَكَاتُ، الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أيُّها النبيُّ ورَحْمَةُ اللهِ وبَرَكَاتُهُ،
السَّلَامُ عَلَيْنَا وعلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِينَ، أشْهَدُ أنْ لا إلَهَ إلَّا اللَّهُ، وأَشْهَدُ أنَّ مُحَمَّدًا رَسولُ اللَّهِ.

Syaratnya:

-Mendengar bacaannya.

-Bacaan berturut-turut.

-Membaca dalam keadaan duduk kecuali uzur.

-Bahasa arab.

-Menjaga makhraj

-Mengikut susunan.

11. Selawat keatas nabi s.a.w. selepas membaca tasyahud akhir.

Sekurang kurang lafaz selawat ialah :."اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Lafaz yang sempurna:

"اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وعلى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ و على آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ".

Syaratnya:

-Mendengar bacaannya.

-Menggunakan lafaz Muhammad atau Rasul atau Nabi.

-Dibaca dengan tertib dan selepas tasyahud.

-Bahasa arab.

12. Salam pertama iaitu lafaz السَّلَامُ عَلَيْكم ورَحْمَةُ اللهِ

13. Tertib.

SUNAT-SUNAT SOLAT

Sunat solat secara umumnya terbahagi kepada 3 :

1. Sunat-sunat yang ditunaikan sebelum solat.
2. Sunat-sunat yang ditunaikan ketika solat.
3. Sunat-sunat yang ditunaikan selepas solat.

1. SUNAT-SUNAT YANG DITUNAIKAN SEBELUM SOLAT

    1. Azan
    2. Iqama
    3. Meletakan sutrah (pemisah) dihadapan.

2. SUNAT-SUNAT YANG DITUNAIKAN KETIKA SOLAT

Ia terbahagi kepada dua :

(a) Sunat Ab'ad : Sekiranya ditinggalkan kena sujud sahwi

(b) Sunat Hai'ah : Sekiranya ditinggalakan tidak perlu sujud sahwi.

Sunat Ab'ad

i. Bacaan tahiyyat awal.

ii. Duduk tahiyyat awal.

iii. Selawat ke atas nabi S.A.W dalam tahiyyat awal.

iv. Selawat ke atas keluarga Nabi S.A.W dalam tahiyyat akhir

v. Membaca doa qunut dalam solat subuh dan solat witir pada pertengahan hingga akhir ramadhan.

Sunat Hai'ah

1) Mengangkat tangan ketika takbirratul ihram,rukuk dan I'tidal.
2) Meletakkan tangan kanan di atas bahagian belakang tangan kiri, memegang dan meletakkannya di bahagian bawah dada dan diatas dari pusat.
3) Melihat tempat sujud.
4) Membaca doa iftitah.
5) Membaca ta'awwudz.
6) Membaca dengankuat dan perlahan di tempat tertentu.
7) Membaca "Aamiin" sesudah membaca al-Fatihah.
8) Membaca ayat-ayat al-Quran selepas al-Fatihah.
9) Mengucap takbir ketika berpindah dari satu rukun ke satu rukun.
10) Membaca tasbih ketika rukuk dan sujud.

11) Meletakkan kedua tangan di atas paha ketika tahiyyat
12) Duduk tawarruk pada tahiyyat akhir dan iftirash selain daripadanya.
13) Membaca Selawat Ibrahimiah kemudian doa selepas tahiyyat akhir.
14) Salam kedua (sebelah kiri)
15) Melazimi khusyuk dalam setiap solat.

KHUSYUK DALAM SOLAT

Khusyuk dalam solat adalah menghadirkan hati kepada Allah SWT di dalam solat. la merupakan hakikat batin yang sebenar-benar bagi suatu solat. Hakikat zahirnya pula adalah perbuatan anggota seperti berdiri, membaca, rukuk, sujud, duduk dan sebagainya. Kedua-duanya mestilah dilaksanakan dengan sempurna.

Allah Ta'ala berfirman:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾

"Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam solatnya."(al-Mukminun:1-2)

TIP DAN PANDUAN KHUSYUK SOLAT

1. SEBELUM MENDIRIKAN SOLAT:

i) Menjaga makanan, minuman dan pemakaian.

Sabda Rasulullah ShallAllahu ‘alaihi wasallam: “Ketahuilah! Bahawa di dalam badan ada seketul daging; apabila ia baik baiklah badan seluruhnya dan apabila ia rosak rosaklah sekaliannya. Ketahuilah! Itulah ya dikatakan hati.” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

ii) Membersihkan diri dan bersugi.

Rasulullah s.a.w bersabda: “Jika tidak mendatangkan kesusahan ke atas umatku nescaya aku menyuruh mereka bersiwak pada setiap kali hendak solat.” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim) .

iii) Wudhuk yang sempurna

Diriwayatkan daripada Abu Rauh al-Kula'ie daripada seorang laki-laki bahawa beliau pernah mendirikan solat Subuh bersama Rasulullah s.a.w dan Baginda membaca surah ar-Ruum. Pada salah satu ayatnya, bacaan Baginda terganggu. Lalu apabila selesai solat Baginda bersabda: "Sesungguhnya bacaan kami terganggu disebabkan terdapat beberapa orang di antara kamu yang solat bersama kami tidak menyempurnakan wudhuk mereka. Oleh itu, siapa yang mendirikan solat bersama kami, maka sempurnakanlah wudhuknya." (Riwayat Ahmad dan an-Nasa'ie)

iv) Memakai pakaian yang bersih dan kemas dan tidak bergambar.

v) Jangan solat dalam keadaan lapar.

Rasulullah s.a.w. bersabda: "*Jangan solat ketika makanan (yang hendak dimakannya) sedang tersedia, dan jangan solat dalam keadaan menahan buang air besar dan air kecil.*" (Riwayat Muslim)

vi) Jangan solat dalam keadaan menahan buang air besar atau air kecil.

vii) Pilih tempat solat yang tenang.

Imam an-Nawawi Rahimahullah menjelaskan bahawa makruh menunaikan solat di tempat orang lalu lalang, kerana yang demikian itu boleh mengganggu kekhusyukan solat seseorang.

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar : "*Bahawa Rasulullah s.a.w. menegah mendirikan solat pada tujuh tempat: Tempat pembuangan sampah, tempat penyembelihan, kubur, tengah-tengah jalan, bilik mandi, tempat unta duduk di keliling air dan di atas Baitullah.*" (Riwayat at-Tirmidzi)

iix) Gunakan Sejadah Tidak Mengganggu

Diriwayatkan daripada Saidatina 'Aisyah bahawa Nabi s.a.w pernah mendirikan solat di atas hamparan daripada bulu yang mempunyai objek lukisan, lalu Baginda bersabda: "*Objek lukisan ini mengganggu aku, bawalah ia kepada Abu Jahm dan bawakan kepadaku hamparan tebal yang tidak ada ukiran.*" (Riwayat Muslim)

ix) Pastikan tiada gangguan

Diriwayat bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepada seorang sahabat bernama 'Utsman bin Thalhah r.a.: "*Aku lupa untuk menyuruhmu menutup dua tanduk kibasy (dari pandangan orang). Maka sesungguhnya tidak sepatutnya ada di rumah sesuatu yang mengganggu orang yang solat*." (Hadits riwayat Abu Daud)

Imam an-Nawawi menjelaskan mengenai riwayat di atas bahawa ianya memberi petunjuk akan galakan supaya menghindarkan atau menjauhkan apa-apa yang dikhuatiri melalaikan hati dari khusyuk ketika mendirikan solat.

x) Solat di awal waktu.

2. KETIKA HENDAK MENUNAIKAN SOLAT

i) Azan dan iqamah

ii) Lakukan Solat Secara Berjemaah

iii) Menghadirkan Hati.

iii) Mengingatkan Mati

iv) Membaca Zikir istiaazah seumpama :-

رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ* وَأَعُوذُ بِكَ رَبِّ أَنْ يَحْضُرُونِ

v) Berusaha Melawan Gangguan Syaitan

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "*Sesungguhnya salah seorang daripada kamu apabila berdiri menunaikan solat syaitan akan mendatanginya, lalu syaitan menimbulkan kesamaran ke atas orang itu sehingga dia tidak tahu berapa rakaat sudah ditunaikannya.*" (Riwayat Muslim)

3. KETIKA MENUNAIKAN SOLAT

1)Merendahkan diri

Rasulullah s.a.w bersabda: "*Seseorang hamba paling dekat dengan Tuhannya sewaktu ia bersujud*." (Riwayat Muslim)

2) Menghindari dari memikirkan hal keduniaan

3) Tumpuan Penuh Pada Solat

4) Mengurangkan Pergerakan Anggota Badan

5) Sentiasa Melihat Tempat Sujud

6) Lakukan Solat Dengan Thuma'ninah

KHUSYUK SOLAT MENURUT IMAM GHAZALI

Menurut Imam al-Ghazali, ada enam perkara yang perlu kita lakukan semasa mengerjakan solat untuk mendapat khusyuk di dalam solat.

1. *Hudhurulqalbi* Iaitu menghadirkan hati kita ketika menunaikan solat iaitu dengan membuang dari hati segala yang tidak ada kena mengena dengan solat kita.

2. *At-tafahhum* Iaitu berusaha memahami segala perkara yang dilakukan di dalam solat sama ada perbuatan atau bacaan.

3. *At-ta'dziem* Iaitu merasai kebesaran Allah iaitu dengan merasai diri terlalu kerdil di hadapan allah.

4. Al-haibah Iaitu merasa gerun terhadap keagungan Allah dan siksaan-nya

5. Ar-raja' Iaitu sentiasa menaruh harapan besar kepada Allah mudah-mudahan solat yang dikerjakan akan diterima dan diganjari oleh allah.

6. Al-haya'. Iaitu merasa malu terhadap Allah di atas segala kekurangan dan kecacatan yang terdapat di dalam solat.

MAKNA BACAAN DALAM SOLAT

1. Takbirratul Ihram : الله اكبر: "Allah Maha Besar"

2. Bacaan iftitah

إِنِّي وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِيْ فَطَرَ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضَ حَنِيْفًا مُسْلِمًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِيْن . إِنَّ صَلاَتِي وَنُسُكِيْ وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ العَالَمِيْن لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيَّن

Artinya : "Sesungguhnya aku menghadapkan mukaku kepada Dzat yang menciptakan langit dan bumi dengan keadaan lurus dan berserah diri, dan bukannya aku termasuk dalam golongan musyrik. Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanya untuk Allah semesta alam. Tiada sekutu bagi-Nya, karena itu aku rela diperintah dan aku ini adalah golongan orang Islam."

3. Bacaan al Fatihah dan bacaan surat pendek.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

Ertinya: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat). Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. laitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat

5. Bacaan i'tidal.

سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَه رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ : Artinya : " Allah mendengar akan sesiapa yang memuji-Nya. Hai Tuhan kami, kepada Engkaulah segala pujian."

6. Bacaan sujud

سُبْحَانَ رَبِّيَ ٱلْأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ : Artinya : "Maha Suci Tuhan Yang Maha Tinggi lagi Maha Terpuji"

7. Bacaan duduk antara 2 sujud

رَبِ اغْفِرْلِي وَارْحَمْنِيْ وَارْفَعْنِيْ وَاجْبُرْنِيْ وَارْزُقْنِيْ وَاهْدِنِيْ وَعَافِنِيْ وَاعْفُ عَنِّيْ

Artinya : " Ya Allah ! ampunilah dosaku, belas kasihanilah aku, dan angkatlah darjatku dan cukuplah segala kekuranganku dan berilah rezeki kepadaku, dan berilah aku petunjuk dan sejahterakanlah aku dan berilah keampunan padaku."

8. Bacaan tasyahud awal

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلّٰهِ ، السَّلاَمُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلاَمُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِيْنَ . أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ الله وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ الله. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّد

Artinya : " Segala kehormatan, keberkatan, kebahagiaan dan kebaikan bagi Allah, salam, rahmat, dan berkahNya kupanjatkan kepadamu wahai Nabi (Muhammad). Salam keselamatan semoga tetap untuk kami seluruh hamba yang shaleh-shaleh. Ya Allah aku bersumpah dan berjanji bahwa tiada ada Tuhan yang berhak disembah kecuali Engkau ya Allah, dan aku bersumpah dan berjanji sesungguhnya Nabi Muhammad adalah utusan-Mu Ya Allah. Ya Allah, limpahkan shalawat-Mu kepada Nabi Muhammad.

9. Bacaan tasyahud akhir dan doa

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ للهِ ، السَّلاَمُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلاَمُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِيْنَ . أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّد وعلى آلِ مُحَمَّد كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ فِيْ الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْد. اَللَّهُمَّ إِنِّيْ أَعُوْذُبِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ وَمِنْ عَذَابِ القَبْرِ وَمِنْ فِتْنَةِ المَحْيَا وَالمَمَاتِ وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ المَسِيْحِ الدَجَّالِ.

Artinya : " Segala kehormatan, keberkahan, kebahagiaan dan kebaikan bagi Allah, salam, rahmat, dan berkahNya kupanjatkan kepadamu wahai Nabi (Muhammad). Salam keselamatan semoga tetap untuk kami seluruh hamba yang shaleh-shaleh. Aku bersaksi bahwa tiada Tuhan melainkan Allah. Dan aku bersaksi bahwa Nabi Muhammad adalah utusan Allah. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat kepada Nabi Muhammad. ‘‘ Sebagimana pernah Engkau beri rahmat kepada Nabi Ibrahim dan keluarganya. Dan limpahilah berkah atas Nabi Muhammad beserta para keluarganya. Sebagaimana Engkau memberi berkah kepada Nabi Ibrahim dan keluarganya. ‘‘ Diseluruh alam semesta Engkaulah yang terpuji, dan Maha Mulia.’’ Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari siksa jahanam dan siksa kubur serta dari fitnah kehidupan dan kematian dan dari kejahatan fitnahnya dajal."

10. Bacaan salam

اَلسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ الله Artinya : "Keselamatan/kesejahteraan keatas kamu serta rahmah Allah juga.

3. SUNAT-SUNAT YANG DITUNAIKAN SELEPAS SOLAT

Disunatkan melakukan perkara berikut selepas solat:

1. Istighfar, zikir dan doa.
2. Berpindah tempat dari tempat sembahyang fardhu ketika hendak sembahyang sunat.
3. Apabila mereka (kaum lelaki)sembahyang di masjid dan dibelakang mereka terdapat kaum wanita,maka disunatkan kepada kaum lelaki agar tetap tempat duduk di tempat mereka sehinggalah kaum wanita meninggalkan tempat mereka.

WIRID SELEPAS SOLAT FARDHU

- أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ (3x)
- أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيَّ الْقَيُّومَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ
- لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
- اللَّهُمَّ أَجِرْنَا مِنَ النَّار(3x)
- اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْك السَّلَامُ وَإِلَيْك يَعُودُ السَّلَامُ فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةِ دَارَ السَّلَامِ تَبَارَكْت رَبَّنَا وَتَعَالَيْت يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ
- الْفَاتِحَةَ ...
- وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ
- اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

- آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ. لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا, رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ, وَاعْفُ عَنَّا وَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
- شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ. إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ,
- قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ.
- بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾
- بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿١﴾ مِن شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِن شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾ وَمِن شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٤﴾ وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾
- بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ النَّاسِ ﴿٢﴾ إِلَٰهِ النَّاسِ ﴿٣﴾ مِن شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ﴿٤﴾ الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٥﴾ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٦﴾

- اِلَهِي يَا رَبِّي / اِلَهَنا يَا رَبَّنَا سُبْحَانَ اللَّهِ (X33) الْحَمْدُ لِلَّهِ (X33) اللَّهُ أَكْبَرُ (X33)
- اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا
- لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.ولاحول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم.
- اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ
-

Contoh Doa Selepas Solat

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ

الرَّحِيْمِاَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ, وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْن وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ .

اَللَّهُمَّ اغْفِرْلَنَا ذُنُوْبَنَا وَلِوَالِدِيْنَا وَلِإِخْوَانِنَا وَلِأَخَوَاتِنَا وَلِأَجْدَادِنَا وَلِجَدَّاتِنَا وَلِجَمِيْعِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَات .

اَللَّهُمَّ إِنَّا نَسْئَلُكَ إِيْمَانًا كَامِلاً وَيَقِيْنًا صَادِقًا وَلِسَانًا ذَاكِرًا وَعِلْمًا نَافِعًا وَرِزْقًا وَاسِعًا حَلاَلاً طَيِّبًا وَعَمَلاً مُتَقَبَّلاً ، وَنَعُوْذُ بِكَ اللَّهُمَّ مِنْ عِلْمٍ لاَ يَنْفَعُ وَمِنْ قَلْبٍ لاَ يَخْشَعُ وَمِنْ نَفْسٍ لاَ تَشْبَعُ وَمِنْ عَيْنٍ لاَ تَدْمَعُ وَمِنْ دُعَاءٍ لاَ يُسْمَعُ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْن.

اَللَّهم أَلِّفْ بَيْنَ قُلُوْبِنَا وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِنَا وَاهْدِنَا سُبُلَ السَّلاَمِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّوْر وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَن.

اللهم أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارْزُقْنَا اتِّبَاعَه وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلاً وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَه.

اَللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَوْدِعُكَ أَدْيَانَنَا وَإِيْمَانَنَا وَأَنْفُسَنَا وَأَمْوَالَنَا وَأَهْلَنَا وَأَوْلاَدَنَا وَكُلَّ شَيْءٍ أَعْطَيْتَنَا . اللهمَ اجْعَلْنَا وَإِيَاهُمْ فِيْ كَنَفِكَ وَأَمَانِكَ وَجِوَارِكَ وَعِيَاذِكَ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَرِيْدٍ وَجَبَّارٍ عَنِيْدٍ وَذِيْ عَيْنٍ وَذِيْ بَغْيٍ وَمِنْ شَرِّ كُلِّ ذيْ شَرٍّ. إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْر .

اللهم جَمِّلْنَا بِالعَافِيَةِ وَالسَّلاَمَة، وَحَقِّقْنَا بِالتَّقْوَى وَالإِسْتِقَامَة، وَأَعِذْنَا مِنْ مُوْجِبَاتِ النَّدَامَةِ فِي الْحَالِ وَالْمَئَال . إِنَّكَ سَمِيْعُ الدُّعَاء.

اللهم سَلِّمْنَا وَسَلِّمْ دِيْنَنَا وَسَلِّمْ إِيْمَانَنَا وَسَلِّمْ تَوْحِيْدَنَا وَسَلِّمْ مَعْرِفَتَنَا وَسَلِّمْ أَرْوَاحَنَا وَسَلِّمْ أَجْسَادَنَا وَسَلِّمْ أَهْلَنَا وَأَوْلاَدَنَا وَسِلِّمْ أَمْوَالَنَا وَسَلِّمْنَا فِي الْأَوَّلِيْنَ وَالْأَخِرِيْن .

اَللَّهُمَّ اجْعَلْ جَمْعَنَا هَذَا جَمْعًا مَرْحُوْمًا ، وَتَفَرُّقَنَا مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقاً مَعْصُوْمًا ، وَلاَ تَجْعَلِ اللَّهُمَّ فِيْنَا وَلاَ مَعَنَا وَلاَ مَنْ يَتْبَعُنَا شَقِيًّا وَلاَ مَطْرُوْدًا وَلاَ مَحْرُوْمًا .

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّار. وَصَلَّى اللهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ ، وَالْحَمْدُلِلَّهِ رَبِّ العَالَمِيْنَ.

PERKARA-PERKARA MAKRUH KETIKA SOLAT

1. Setiap perkara yang berlawanan dengan perkara sunat yang telah disebut.
2. Memalingkan tengkok ketika sembahyang kecuali kerana keperluan.
3. Mengangkat pandangan ke atas.
4. Bermain-main dengan rambut(mengurai-uraikanya) dan menyinsing hujung baju (seperti lengan) ketika sembahyang.
5. Sembahyang ketika makanan telah dihidangkan yang mana hati teringin memakannya.
6. Sembahyang dalam keadaan menahan kencing dan air besar.
7. Sembahyang dalam keadaan terlalu mengantuk.
8. Sembahyang di tempat ; bilik air, kawasan perkuburan,gereja,tempat sampah,tempat unta duduk.

PERBEZAAN ANTARA LELAKI DENGAN PEREMPUAN

Perempuan disunatkan berbeza dengan lelaki dalam lima perkara .

1. Menghimpunkan/merapatkan sesetengah anggota dengan anggota lain ketika sujud.
2. Perempuan hendaklah merendahkan suaranya dikhalayak lelaki yang bukan mahramnya.
3. Apabila berlaku sesuatu kepada seseorang perempuan ketika sembahyang dan dia ingin menyedarkannya / memberitahu seseorang di sekeliling bagi sesuatu perkara ,maka dia hendaklah menepuk dengan memukul belakang tapak tangan kirinya menggunakan tangan kanan.
4. Seluruh badan perempuan adalah aurat kecuali muka dan tapak tangan.
5. Perempuan disunatkan iqamah tetapi tidak disunatkan azan.

PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT

1) Bercakap dengan sengaja.
2) Perbuatan/pergerakkan yang banyak.
3) Baju dan badan yang terkena najis.
4) Aurat terbuka.
5) Makan dan minum.
6) Berhadas sebelum salam pertama.
7) Berdehem,ketawa,menangis dan mengerang kesakitan.
8) Mengubah niat.
9) Membelakangi kiblat.

SUJUD SAHWI

Sujud sahwi ini dilakukan untuk menampung kekurangan/ kecacatan yang telah berlaku.la dilakukan di akhir sembahyang.

HUKUM SUJUD SAHWI

Sunat dilakukan sekiranya berlaku perkara –perkara yang memerlukan sujud sahwi.Sekiranya dia tidak sujud,maka sembahyangnya tidak terbatal.

SEBAB SUJUD SAHWI

1. Orang yang sembahyang meninggalkan sebahagian sunat-sunat ab'ad .
2. Berlaku keraguan pada bilangan rakaat yang telah dilakukan.

3. Melakukan perbuatan yang dilarang kerana terlupa,dimana perbuatan tersebut boleh membatalkan solat jika dilakukan dengan sengaja.
4. Melakukan perbuatan sembahyang samada satu rukun yang sempurna atau sebahagiannya atau membaca surah bukan pada tempatnya ketika dia masih sembahyang.

CARA SUJUD SAHWI DAN TEMPATNYA

Sujud sahwi adalah dua sujud seperti sujud-sujud yang lain.Orang yang bersenbahyang hendaklah berniat sujud sahwi ketika melakukannya.

Tempatnya ialah di akhir sembahyang sebelum salam.

PRAKTIKALITI SOLAT BAGI PESAKIT

Pesakit diberi rukhsah atau keringanan mengerjakan solat seperti berikut : (Praktikal daripada penceramah)

a) Solat secara duduk.
   - Solat secara duduk iftirash
   - Kedudukan solat di atas kerusi
   - Solat dalam keadaan duduk menyandar

b) Solat secara mengiring

c) Solat secara terlentang

d) Solat bagi yang tidak mampu menggerakkan anggota badan.

e) Solat menggunakan hati

f) Solat bagi wanita yang sarat mengandung.

- Bagi yang boleh menunaikan solat secara biasa maka haruslah berbuat sepertimana biasa.
- Jika tidak mampu dipertengahan solat,maka boleh meneruskan solat secara duduk iftirash (duduk antara dua sujud dan tahiyyat awal).
- Bagi yang tidak mampu berdiridari awal hendaklah dia solat secara duduk samada duduk secara iftirash atau duduk menggunakan kerusi atau duduk secara menyandar.

g) Solat wanita yang sedang sakit hendak bersalin.

a) Sekiranya keluar air tembuni sebelum bersalin,mengikut Mazhab Syafie tidak dikira nifas,maka wajib ke atasnya solat mengikut kadar kemampuan.

Cara-cara menunaikan solat.

- Bersihkan kemaluan dan menutupnya agar air tersebut tidak menitis ketika solat.Sekiranya air tersebut keluar dengan kadar yang banyak,setelah diusahakan menutupinya pun masih bercucuran maka teruskan sahaja solatnya dengan niat wudhuklstibahatus solah.
- Bagi wanita yang belum keluar air tembuni tetapi boleh menganggarkan berdasarkan ilmu dan pengalaman bahawa jika air tembuni keluar, ia akan keluar dengan banyak dan menyukarkan maka, adalah lebih baik baginya melakukan solat secara jamak taqdim.
- Kemudian berwudhuk dengan niat istibahatus solah.

- Kemudian teruskan solat mengikut keadaan yang mampu.

b) Sekiranya darah yang keluar ketika hampir bersalin dan disertai rasa sakit bersalin maka kebanyakkan ulamak Mazhab Syafie mengatakan ia bukan darah nifas begitu juga darah yang keluar dalam jangkamasa yang lama seblum bersalin ataupun hampir bersalin tetapi tidak disertai rasa sakit bersalin maka Ijtima' ulamak mengatakan ia bukan darah nifas.

c) Adapun darah yang keluar selepas melahirkan anak dan keluar bersama-sama bayi adalah dikira sebagai darah nifas dan tidak wajib ke atasbya solat sepertimana perempuan yang keluar darah haid.

SOLAT BERJAMAAH

HUKUMNYA

Solat berjamaah (kecuali jumaat) mengikut pendapat yang sahih adalah fardhu kifayah bagi sesebuah pekan. Apabila ia telah tertegak maka menjadi sunat muakkad kepada individu muslim yang lain.

KELEBIHANNYA

Sabda Rasulullah s.a.w : "*Solat berjamaah melebihi solat seorang diri dengan dua puluh tujuh darjat*". Riwayat Bukhari dan Muslim.

KEUZURAN MENINGGALKAN SOLAT BERJAMAAH

1. Keuzuran umum seperti hujan, angin yang kuat pada waktu malam dan jalan yang terlalu becak.
2. Keuzuran khusus seperti sakit, terlalu lapar dan dahaga, takut kepada orang yang akan melakukan kezaliman terhadap diri dan hartabenda dan seumpamanya.

SYARAT-SYARAT IMAM

1. Makmum tidak mengetahui atau tidak menyakini batalnya solat imam.
2. Imam bukan seorang yang ummi sedangkan makmum seorang yang qari.
3. Imam bukan daripada kalangan wanita jika makmumnya lelaki.

SIFAT KEUTAMAAN SEORANG IMAM

1. Orang yang paling faqih (alim).
2. Orang yang paling baik bacaan qurannya.
3. Orang yang paling baik akhlaknya.
4. Orang yang lebih tua dan yang lebih lama memeluk islam.

CARA MENGIKUT IMAM

1. Makmum hendaklah tidak berada dihadapan imam.
2. Makmum hendaklah mengikut imam dalam semua perpindahan imam.
3. Makmum hendaklah mengetahui perpindahan imam.
4. Hendaklah jarak antara imam dan makmum tidak terlalu jauh (melebihi 300 hasta atau lebihkurang 150 meter) sekiranya makmum bersolat diluar masjid.
5. Makmum hendaklah berniat solat jamaah atau mengikut imam.

SOLAT QASAR DAN JAMAK

Solat qasar dan jamak adalah dua bentuk keringanan yang Allah anugerahkan kepada orang yang bermusafir.

SOLAT QASAR

Solat qasar ialah sembahyang empat rakaat seperti zuhur, asar dan isyak yang ditunaikan dengan dua rakaat sebagai ganti kepada empat rakaat.

SYARAT – SYARAT SAH SOLAT QASAR

1. Musafir
2. Hendaklah orang musafir itu melepasi pagar pekan yang hendak ditinggalkan.
3. Orang yang bermusafir tidak berniat untuk tinggal di tempat tujunya selama empat hari tidak termasuk hari sampai dan hari pulang.
4. Orang musafir tidak menjadi makmun kepada orang bermukim.

SOLAT JAMAK

PENGERTIAN JAMAK:

Menghimpunkan dua waktu solat dalam satu waktu seperti solat zuhur dalam solat asar.

PEMBAHAGIANNYA KEPADA DUA

A. Jamak Taqdim

Menghimpunkan dua solat dalam waktu pertama (waktu zuhur dan maghrib) seperti solat asar dilakukan dalam waktu zuhur dan solat isyak dilakukan dalam waktu maghrib.

Syarat Solat Jamak Taqdim

i. Tertib waktu iaitu mesti mendahulukan solat zohor kemudian asar dan maghrib dahulu kemudian isyak.

ii. Niat jamak ketika solat yang pertama selagi belum selesai solat pertama. Sunat berniat ketika takbiratul ihram.

iii. Muwalat / Berturut-turut antara keduanya (selepas solat zuhur terus solat asar tidak boleh selang waktu yang lama).

iv. Perjalanan/safar berterusan sehingga ia berada dalam keadaan solat kedua.

B. Jamak Takhir

Menghimpunkan dua solat dalam waktu kedua contohnya solat zuhur dilakukan dalam waktu asar ataupun solat maghrib dilakukan dalam waktu isyak.

Syarat Jamak Takhir

i. Niat hendak melewatkan solat pertama dalam waktunya.

ii. Berkekalan musafir sehingga kedua-dua solat selesai. Sekiranya dia sampai/bermukim sebelum selesai solat. Maka solat yang dilewatkan menjadi qada'.

iii. Tidak disyaratkan tertib,boleh dilakukan mana-mana solat dahulu.

iv. Tidak disyaratkan muwalat. Tetapi sunat'

Bagi pesakit hanya boleh solat jamak sahaja. Manakala solat Jamak beserta qasar hanya umtuk mereka yang musafir.

Syarat Perjalanan Yang Membolehkan Solat Jamak Dan Qasar

i. Jarak jauh perjalanan hendaklah sampai 81 KM atau lebih.

ii. Mengetahui destinasi perjalanan.

iii. Bukan bertujuan maksiat.

SOLAT JUMAAT

DALIL DISYARIATKAN

Firman Allah Taala yang bermaksud: *“Wahai orang-orang beriman, Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari jumaat,maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah dan tinggalkanlah jual beli, yang demikian adalah baik bagi kamu jika kamu mengetahui.”* (al- Jum’ah :9)

Sabda Rasulullah s.a.w :

عن طارق بن شهاب رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : (الجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ إِلاَّ أَربَعَة : عَبدٌ مَملُوكٌ ، أَو امرَأَةٌ ، أَو صَبِيٌّ ، أَو مَرِيضٌ) رواه أبو داود

“Solat jumaat adalah tanggungjawab yang wajib keatas setiap lelaki muslim secara jamaah melainkan 4 golongan: hamba, Perempuan, kanak-kanak dan orang sakit” Riwayat Abu Daud

SYARAT-SYARAT WAJIB SEMBAHYANG JUMAAT

1. Islam
2. Baligh
3. Berakal
4. Merdeka
5. Lelaki
6. Sihat tubuh badan.
7. Bermukim di tempat jumaat yang didirikan.

SYARAT-SYARAT SAH JUMAAT

1. Hendaklah didirikan dalam sempadan kawasan bagunan dan binaan samada di pekan atau di kampung.
2. Bilangan ahli jumaat yang cukup syarat tidak kurang daripada 40 orang
3. Didirikan dalam waktu zuhur
4. Tidak berbilang-bilang jumaat dalam satu pekan selama ia boleh dibuat dalam satu jemaah.

.

RUKUN JUMAAT

Rukun jumaat terdiri daripada dua.

RUKUN PERTAMA : DUA KHUTBAH

Ia mempunyai beberapa syarat:

1. Khatib berdiri ketika berkhutbah jika mampu dan kedua2 khutbah dipisahkan dengan duduk.
2. Tidak dikemudian daripada sembahyang.
3. Khatib berada dalam keadaan suci daripada hadas kecil dan besar.
4. Rukun-rukun khutbah dibaca dalam bahasa arab.
5. Berturut-turut di antara rukun-rukun khutbah dan juga antara khutbah pertama dengan khutbah kedua serta khutbah kedua dengan solat.
6. Rukun kedua-dua khutbah hendaklah didengari oleh 40 orang yang cukup syarat sah khutbah.

.

Rukun khutbah

1. Memuji Allah Taala dengan menggunakan mana-mana lafaz sekalipun.
2. Berselawat ke atas Nabi s.a.w dengan mana-mana kata yang memberi makna selawat.
3. Berpesan supaya bertaqwa kepada Allah dengan menggunakan mana-mana lafaz dan uslub.
4. Membaca satu ayat daripada al-quran pada salah satu daripada dua khutbah.
5. Berdoa untuk orang-orang beriman pada khutbah kedua

RUKUN KEDUA : SEMBAHYANG DUA RAKAAT SECARA BERJEMAAH

- Sepakat ulama bahawa bilangan rakaat solat Jumaat adalah dua rakaat dan ia wajib dilkukan secara berjamaah. Sabda Rasulullah s.a.w:

روى النسائي (3/111)، عن عمر tقال: صلاة الجمعة ركعتان..على لسان محمد

وجاء حديث أبي داود السابق: "الجمعة حق واجب على كل مسلم في جماعة.."

- Untuk mendapat jamaah dalam solat jumaat hanya disyaratkan mendapat satu rakaat penuh. Ini berdasarkan hadis:-

ما رواه النسائي وابن ماجه والدارقطني عن ابن عمر رضي الله عنهما قال: قال رسول الله " :من أدرك ركعة من صلاة الجمعة وغيرها، فليضف إليها أخرى، وقد تمت صلاته".

“Sesiapa yang mendapat satu rakat solat jumaat dan lainnya, maka hendaklah ditambah rakat yang berbaki. Dengan itu solatnya menjadi sempurna.

ADAB -ADAB JUMAAT

1. Mandi
   إذا جاء أحدكم إلى الجمعة فليغتسل".(رواه البخاري:387؛ومسلم:844).
2. Membersihkan tubuh badan daripada segala kekotoran dan memakai wangi-wangian.

روى البخاري(843)، عن سلمان الفارسي tقال: قال النبي" : لا يغتسل رجل يوم الجمعة، ويتطهر ما استطاع من طهر، ويدهن من دهنه أو يمس من طيب بيته، ثم يخرج فلا يفرق بين اثنين، ثم يصلي ما كتب له، ثم ينصت إذا تكلم الإمام، إلا غفر له ما بينه وبين الجمعة الأخرى".

3. Memakai pakaian yang paling elok.

روى أحمد(3/81)، وغيره، عنه rقال: "من اغتسل يوم الجمعة، ثم لبس أحسن ثيابه، ومس طيباً إن كان عنده، ثم مشى إلى الجمعة وعليه السكينة، ولم يتخط أحداً ولم يؤذه، ثم ركع ما قضي له، ثم انتظر حتى ينصرف الإمام، غفر له ما بين الجمعتين"

.

4. Memotong kuku dan mengelokkan rambut.
5. Keluar awal ke masjid.

روى البخاري (841) ومسلم(850)، عن أبي هريرة أن رسول الله قال:"من اغتسل يوم الجمعة غسل الجنابة، ثم راح فكأنما قرب بدنة، ومن راح في الساعة الثانية فكأنما قرب بقرة، ومن راح في الساعة الثالثة فكأنما قرب كبشاً أقرن، ومن راح في الساعة الرابعة فكأنما قرب دجاجة، ومن راح في الساعة الخامسة فكأنما قرب بيضة، فإذا خرج الإمام حضرت الملائكة يستمعون الذكر".

6. Sembahyang dua rakaat ketika memasuki masjid.

روى مسلم(875)، عن جابر قال: قال رسول الله : "إذا جاء أحدكم يوم الجمعة، والإمام يخطب، فليركع ركعتين، وليتجوز فيهما".

7. Diam dengar khutbah.

روى البخاري في صحيحه(892) ومسلم(851) وغيرهما، عن أبي هريرة أن النبي قال:"إذا قلت لصاحبك يوم الجمعة: أنصت، والإمام يخطب، فقد لغوت".

SOLAT SOLAT SUNAT



SOLAT-SOLAT SUNAT

MAKNA

Solat sunat dari segi istilah bermaksud : Selain fardhu. Dinamakan demikian kerana ia merupakan tambahan daripada apa yang difardhukan oleh Allah.

PEMBAHAGIAN SOLAT SUNAT

1. Tidak sunat dilakukan secara berjemaah.
2. Sunat dilakukan secara berjemaah.

PERTAMA : TIDAK SUNAT DILAKUKAN SECARA BERJEMAAH

Solat sunat yang tidak sunat dilakukan secara berjemaah terbahagi kepada dua bahagian :

a) Solat sunat yang mengiringi solat fardhu.
b) Solat sunat yang tidak mengiringi solat fardhu.

<u>Solat sunat yang mengiringi solat fardhu</u>

Ia terbahagi kepada dua Sunat Muaakad dan Sunat Tidak Muaakad.

- Sunat Muaakad:
  - 2 rakaat sebelum subuh
  - 2 rakaat sebelum dan selepas zuhur
  - 2 rakaat selepas maghrib
  - 2 rakaat selepas isyak.

- Sunat Tidak Muaakad
  - 2 rakaat sebelum solat zuhur yang merupakan tambahan dua rakaat muaakad
  - 2 rakaat selapas solat zuhur yang merupakan tamabahan dua rakaat muakad.
  - 4 rakaat sebelum solat asar
  - 2 rakaat yang ringan sebelum solat maghrib
  - 2 rakaat yang ringan sebelum solat isyak

Solat sunat yang tidak mengiringi solat fardhu

Ia terbahagi kepada dua iaitu solat sunat yang ada nama serta waktunya dan solat sunat yang tiada nama serta waktunya.

- **Solat sunat yang ada nama serta waktunya**
  - Tahiyattul masjid

حديث البخاري (433) ومسلم (714): " فإذا دخل أحدكم المسجد، فلا يجلس حتى يصلي ركعتين ".

  - Solat sunat witir

روى الترمذي(453) وغيره،عن علي tقال: إن الوتر ليس بحتم كصلاتكم المكتوبة، ولكن سنَّ رسول الله

  - Qiamullail / tahajjud

قوله تعالى:) ومن الليل فتهجد به نافلة لك عسى أن يبعثك ربك مقاماً محمودا (سورة الإسراء:79)

وروى مسلم(1163) وغيره، عن أبي هريرة tقال: سئل رسول الله :أيُّ الصلاة أفضل بعد المكتوبة؟ قال:" الصلاة في جوف الليل".

- Solat sunat Dhuha

جاء في رواية أبي داود(1290) عنها: أن رسول الله صلى يوم الفتح سبحة الضحى ثماني ركعات، ويسلم من كل ركعتين.

- Solat Istikharah

روى البخاري (1109) وغيره، عن جابر بن عبدالله الأنصاري رضي الله عنهما قال: كان رسول الله eيعلمنا الاستخارة في الأمور كلها، كما يعلمنا السورة من القرآن يقول: " إذا هم أحدكم بالأمر فليركع ركعتين من غير الفريضة"، ثم ليقل: " اللهم إني أستخيرك بعلمك، وأستقدرك بقدرتك، وأسألك من فضلك العظيم، فإنك تقدر ولا أقدر، وتعلم ولا أعلم، وأنت علاّم الغيوب، اللهم إن كنت تعلم أن هذا الأمر خير لي في ديني ومعاشي وعاقبة أمري، فأقدره لي، ويسره لي، ثم بارك لي فيه، اللهم إن كنت تعلم أن هذا الأمر شر لي في ديني ومعاشي وعاقبة أمري فاصرفه عني واصرفني عنه، واقدر لي الخير حيث كان، ثم رضني به، قال: ويسمي حاجته ".

Solat Tasbih 4 rakaat.

روى أبو داود في سننه (1297) عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنهما أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : (لِلْعَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ يَا عَبَّاسُ يَا عَمَّاهُ : أَلَا أُعْطِيكَ ، أَلَا أَمْنَحُكَ ، أَلَا أَحْبُوكَ ، أَلَا أَفْعَلُ بِكَ ، عَشْرَ خِصَالٍ إِذَا أَنْتَ فَعَلْتَ ذَلِكَ ، غَفَرَ اللَّهُ لَكَ ذَنْبَكَ أَوَّلَهُ وَآخِرَهُ قَدِيمَهُ وَحَدِيثَهُ خَطَأَهُ وَعَمْدَهُ صَغِيرَهُ وَكَبِيرَهُ سِرَّهُ وَعَلَانِيَتَهُ ، عَشْرَ خِصَالٍ أَنْ تُصَلِّيَ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ تَقْرَأُ فِي كُلِّ رَكْعَةٍ فَاتِحَةَ الْكِتَابِ وَسُورَةً ، فَإِذَا فَرَغْتَ مِنْ الْقِرَاءَةِ فِي أَوَّلِ رَكْعَةٍ ، وَأَنْتَ قَائِمٌ قُلْتَ : سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ خَمْسَ عَشْرَةَ مَرَّةً ، ثُمَّ تَرْكَعُ ، فَتَقُولُهَا وَأَنْتَ رَاكِعٌ عَشْرًا ، ثُمَّ تَرْفَعُ رَأْسَكَ مِنْ الرُّكُوعِ ، فَتَقُولُهَا عَشْرًا ، ثُمَّ تَهْوِي سَاجِدًا ، فَتَقُولُهَا وَأَنْتَ سَاجِدٌ عَشْرًا ، ثُمَّ تَرْفَعُ رَأْسَكَ مِنْ السُّجُودِ ، فَتَقُولُهَا عَشْرًا ، ثُمَّ تَسْجُدُ فَتَقُولُهَا عَشْرًا ، ثُمَّ تَرْفَعُ رَأْسَكَ ، فَتَقُولُهَا عَشْرًا ، فَذَلِكَ خَمْسٌ وَسَبْعُونَ فِي كُلِّ رَكْعَةٍ ، تَفْعَلُ ذَلِكَ فِي أَرْبَعِ رَكَعَاتٍ ، إِنْ اسْتَطَعْتَ أَنْ تُصَلِّيَهَا فِي كُلِّ يَوْمٍ مَرَّةً ، فَافْعَلْ فَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَفِي كُلِّ جُمُعَةٍ مَرَّةً ، فَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَفِي كُلِّ شَهْرٍ مَرَّةً ، فَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَفِي كُلِّ سَنَةٍ مَرَّةً ، فَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ ، فَفِي عُمُرِكَ مَرَّةً)

- Solat sunat Hajat

روى ابن أبي أوفى أن رسول الله – عليه الصّلاة والسّلام – قال: (من كانت له حاجةٌ إلى اللهِ – تعالى – أو إلى أحدٍ من بني آدمَ ؛ فَلْيَتَوَضَّأْ فَلْيُحْسِنِ الوُضوءَ، ثم لِيُصَلِّ ركعتينِ، ثم لِيُثْنِ على اللهِ، وَلْيُصَلِّ على النبيِّ – صلَّى اللهُ عليهِ وسلَّم –، ثم لِيَقُلْ : لا إلَه إلا اللهُ الحليمُ الكَريمُ، سبحان اللهِ ربِّ العرشِ العظيمِ، والحمدُ للهِ ربِّ العالمينَ، أسألُكَ مُوجِباتِ رَحْمَتِكَ، وعزائمَ مَغْفِرَتِكَ، والغنيمةَ من كلِّ بِرٍّ، والسلامةَ من كلِّ إِثْمٍ، والفوزَ بالجنةِ، والنجاةَ من النارِ، لا تَدَعْ لي ذَنْبًا إلا غَفَرْتَهُ، ولا هَمًّا إلا فَرَّجْتَهُ، ولا حاجةً هي لك رِضًى إلَّا قَضَيْتَها يا أرحمَ الراحِمِينَ).[٥]

روى عثمان بن حنيف رضي الله عنه (أنَّ رجلًا ضريرًا أتى النبيَّ – صَلَّى اللَّهُ عليْهِ وعلى آلهِ وسلَّمَ – فقال: يا نبيَّ اللهِ ادعُ اللهَ أنْ يعافيَني. فقال: إنْ شئْتَ أخرْتُ ذلك فهوَ أفضلُ لآخرتِكَ، وإنْ شئْتَ دعوْتُ لكَ قال: لا بلْ ادعُ اللهَ لي. فأمرَهُ أنْ يتوضأَ وأنْ يصليَ ركعتينِ وأنْ يدعوَ بهذا الدعاءِ: اللَّهمَّ إنِّي أسألُكَ وأتوجَّهُ إليكَ بنبيِّكَ محمدٍ صَلَّى اللَّهُ عليْهِ وعلى آلهِ وسلَّمَ نبيِّ الرحمةِ، يا محمدُ إنِّي أتوجَّهُ بكَ إلى ربِّي في حاجَتي هذه فتَقضى، وتُشفعُني فيه وتشفعُهُ فيَّ. قال: فكان يقولُ هذا مرارًا، ثم قال بعدُ – أحسبُ أنَّ فيها: أنْ تُشفعَني فيه – قال: ففعلَ الرجلُ فبرأَ).[٦]

-

- Solat sunat Wuduk
- Sunat sunat Taubat
- Solat sunat Ihram dll

➢Solat sunat yang tidak ada nama serta waktunya laitu solat sunat mutlak pada mana-mana waktu kecuali waktu pada waktu tertentu yang dilarang untuk menunaikan solat.

حديث البخاري(946)؛ ومسلم (749): " صَلاة الليل مثنى مثنى"

KEDUA : DISUNATKAN SECARA BERJEMAAH

i. Solat sunat dua hari raya
ii. Solat terawih
iii. Solat gerhana matahari atau bulan
iv. Solat minta hujan (istisqa')

I. SOLAT DUA HARI RAYA

PENGERTIAN EID

Ia di namakan demikian kerana ia berulang-ulang kali kembali setiap tahun.

TARIKH MULA DISYARIATKAN

Tahun kedua hijrah

DALIL DISYARIATKAN

Firman Allah Taala yang bermaksud :

> ***Oleh itu kerjakan sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban.*** (al- Khauthar: 2)

Daripada Abi Said al- Khudri r.a dengan katanya:

> ***"Rasulullah s.a.w keluar pada hari raya puasa dan hari raya haji menuju ke tempat sembahyang.Perkara pertama yang dlakukan ialah sembahyang.Kemudian Baginda berpaling mengadap orang ramai yang sedang duduk dalam saf- saf mereka .Lalu Baginda memberi nasihat dan mengeluarkan perintah kepada mereka.Sekiranya Baginda ingin memilih satu kumpulan daripada mereka untuk dicetuskan bagi tujuan berjihad,Baginda akan lakukannya. Atau jika Baginda ingin memerintahkan supaya melakukan sesuatu ,Baginda akan perintah.Kemudian Baginda beredar.*** *(Riwayat Bukhari dan Muslim)*

HUKUM SOLAT HARI RAYA

Sunat Muaakad

WAKTU SOLAT HARI RAYA

Waktu bermula terbit matahari hingga gelincirnya.

CARA SOLAT HARI RAYA

i. Solat hari raya mempunyai 2 rakaat

ii. Dimulakan dengan *takbiratul ihram*

iii. Bertakbir sebanyak 7 kali dalam keadaan mengangkat tangan setentang dengan dada. Sunat membaca tasbih diantaranya: سبحان الله والحمد لله ولا إله إلا الله والله أكبر

iv. Di baca *isti'azah* dan fatihah serta dibaca bersama satu surah atau beberapa ayat.

v. Apabila berdiri untuk rakaat kedua hendaklah takbir sebanyak 5 kali

vi. Akhiri dengan salam.

KHUTBAH HARI RAYA

- Dilakukan selepas sembahyang hari raya
- Semua rukun-rukun khubat Jumaat dan sunat-sunatnya begitu juga dengan khutbah hari raya.
- Khutbah yang pertama disunatkan dimulakan dengan 9 kali takbir dan khutbah kedua dengan 7 kali takbir.

BERTAKBIR PADA HARI RAYA

- Disunatkan bertakbir (bukan jemaah haji) bermula daripada tenggelam matahari pada malam kedua-kedua hari raya di rumah, jalan raya, masjid, dan pasar dengan suara yang tinggi sehingga imam ber*takbiratul ihram* untuk solat hari raya.
- Disunatkan bertakbir pada hari raya haji setiap kali selepas solat bermula dari subuh hari Arafah sehingga selepas asar hari 13 zulhijjah.

LAFAZ TAKBIR HARI RAYA

الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر ,لا إله إلا الله، والله أكبر، الله أكبر، ولله الحمد,

الله أكبر كبيراً، والحمد لله كثيراً، وسبحان الله بكرة وأصيلاً, لا إله إلا الله ولا نعبد إلا إياه مخلصين له الدين، ولو كره الكافرون،

لا إله إلا الله وحده، صدق وعده، ونصر عبده، وهزم الأحزاب وحده، لا إله إلا الله والله أكبر, الله أكبر، ولله الحمد .

ADAB PADA HARI RAYA

1. Mandi ,memakai wangian dan memakai pakaian baru.
2. Disunatka datang awal ke masjid pada hari raya.
3. Pada hari raya puasa disunatkan makan sedikit sebelum keluar untuk solat.
4. Pada hari raya haji disunatkan makan selepas kembali daripada solat hari raya.
5. Disunatkan pergi ke masjid melalui satu jalan dan kembali melalui yang lain.
6. Makruh bagi imam melakukakan solat sunat sebelum hari raya .

ZAKAT FITRAH

PENGERTIAN

Zakat fitrah ialah harta pada kadar tertentu yang wajib dikeluarkan ketika terbenam matahari pada hari terakhir Ramadhan dengan syarat-syarat tertentu keatas setiap mukallaf dan orang yang dibawah tanggungannya.

Ia disyariatkan pada tahun kedua hijrah.

DALIL

rما رواه البخاري (1433)؛ ومسلم (984) واللفظ له، عن ابن عمر رضي الله عنهما: أن رسول الله فرض زكاة الفطر من رمضان على الناس صاعاً من تمر أو صاعاً من شعير، على كل حر أو عبد، ذكر أو أنثى من المسلمين.

SYARAT-SYARAT WAJIB ZAKAT FITRAH

1. Islam
2. Terbenam matahari pada hari akhir Ramadhan.
3. Memiliki harta yang melebihi keperluan makan dan tempat tinggal untuk diri dan tanggungannya pada hari raya dan malamnya.

JENIS DAN KADARNYA

- Segantang makanan asasi bagi sesebuh negeri. Ia menyamai 4 cupak atau lebihkurang 2400 gram.
- Dalam mazhab syafie ia mesti dikeluarkan dalam bentuk makanan asasi. Namun harus mengikut mazhab Hanafi dengan mengeluarkan nilaian zakat tersebut.

WAKTU MENGELUARKANYAN

1. Wajib :- Mulai terbenam matahari pada hari akhir Ramadhan.
2. Harus:- Sepanjang Ramadhan dan hari raya pertama.
3. Sunat:- Subuh hari raya sebelum keluar untuk solat sunat hari raya.
4. Makruh:- Selepas solat hari raya hingga sebelum terbenam matahari pada hari tersebut.
5. Haram:- Selepas terbenam matahari pada hari raya.

ii. SOLAT TERAWIH

Solat sunat yang khusus pada bulan Ramadhan. Dilakukan sebanyak 8 atau 20 rakaat.

WAKTUNYA

Diantara solat Isyak dan solat subuh dan sebelum solat witir.

DALIL DISYARIATKAN

Rasulullah s.a.w bersabda :

Sesiapa yang menghidupkan Ramadhan dengan penuh keimanan dan keikhlasan kepada Allah segala dosanya yang lalu. (Riwayat Bukhari dan Muslim)

وروى البخاري (882) ومسلم (761) واللفظ له عن عائشة رضي الله عنها:أن النبي في المسجد ذات ليلة، فصلى بصلاته ناسٌ ثم صلّى من القابلة فكثر الناس، ثم اجتمعوا من الليلة الثالثة– أو الرابعة – فلم يخرج إليهم رسول الله r، فلما أصبح قال: " رأيت الذي صنعتم، فلم يمنعني من الخروج إليكم، إلا أني خشيت أن تفرض عليكم".

وروى البخاري(906)، عن عبدالرحمن بن عبد القاري قال: خرجت مع عمر ابن الخطاب في رمضان إلى المسجد، فإذا الناس أوزاعٌ متفرقون، يصلي الرجل لنفسه، ويصلي الرجل فيصلي بصلاته الرهط. فقال عمر: إني أرى لو جمعت هؤلاء على قارئ واحد لكان أمثل، ثم عزم فجمعهم على أُبيّ كعب ، ثم خرجت معه ليلة أخرى والناس يصلون بصلاة قارئهم،فقال عمر: نعمت البدعة هذه، والتي ينامون عنها أفضل من التي يقومون. يعني آخر الليل، وكان الناس يقومون أوله.

وروى البيهقي وغيره بإسناد صحيح(2/496): أنهم كانوا يقومون على عهد عمر ابن الخطاب شهر رمضان بعشرين ركعة. وروى مالك في الموطأ(1/115): كان الناس في زمن عمر يقومون في رمضان بثلاثٍ وعشرين ركعة. وجمع البيهقي بين الروايتين بأن الثلاث كانت وتراً.

iii. SOLAT GERHANA MATAHARI DAN BULAN

Solat gerhana matahari dan bulan disyariatkan dengan tujuan supaya umat islam kembali bermunajat kepada Allah agar dihilangkan bala dan dikembalikan cahaya.

MASA DISYARIATKAN

Solat gerhana matahari disyariatkan pada tahun kedua hijrah

Dan solat gerhana bulan disyariatkan pada tahun kelima hijrah.

HUKUM

Sunat Muakad

CARA SOLAT GERHANA.

Solat gerhana mempunyai 2 cara

1. Cara yang minimum
2. Cara yang paling sempurna.

Cara Yang Minimun

Dilakukan 2 rakaat seperti solat jumaat.

Cara Yang Paling Sempurna

Dilakukan dengan setiap rakaat 2 kali berdiri. Pada setiap kali berdiri dibaca bacaan yang panjang.

Rakaat 1 :- Qiam pertama dibaca surah Baqarah atau yang sama panjang dengannya.

Qiam kedua dibaca surah yang menyamai 200 ayat

Rakaat 2 :-Qiam pertama dibaca sekadar 150 ayat

Qiam kedua dibaca sekadar 100 ayat

Rukuk kali 1:- Dipanjangkan sekadar 100 ayat

Rukuk kali 2: Dipanjangkan sekadar 80 ayat

Rukuk kali 3: Dipanjangkan sekadar 70 ayat

Rukuk kali 4: Dipanjangkan sekadar 50 ayat

❖Setelah selesai solat Imam bangun berkhutbah dengan dua khutbah seperti khutbah jumaat.

❖Disunatkan mandi sunat gerhana sebelum mendirikan solat gerhana.

iv. SOLAT ISTISQA' (MINTA HUJAN)

MAKNA

Sembahyang yang disyariatkan ketika tidak turun hujan dan mata air kekeringan.

CARA MELAKUKANNYA

1. Sekurang-kurangnya dengan cara berdoa kepada Allah Taala pada bila-bila masa.
2. Cara pertengahan :Berdoa selepas bangun daripada rukuk pada rakaat terakhir sembahyang yang diwajibkan atau selepas selesai sembahyang.
3. Cara paling sempurna dengan melakukan perkara-perkara berikut :

Pertama

Pada permulaan Iman (ketua pemerintah) hendaklah menyuruh orang ramai melakukan perkara-perkara berikut :

i. Bertaubat

ii. Bersedekah kepada fakir, meninggalkan segala bentuk kezaliman.

iii. Berpuasa selama empat hari berturut-turut.

Perkara di atas sunat dilakukan sebagai penerimaan doa kita kepada Allah.

Kedua

Imam (ketua pemerintah) keluar bersama-sama orang ramai pada hari keempat dalam keadaan berpuasa, memakai pakaian yang lama(lusuh), dalam keadaan khusyuk dan hina menuju ke padang yang luas. Kemudian Imam sembahyang bersama-sama orang ramai dua rakaat seperti solat hari raya.

Ketiga

Apabila selesai sembahyang, Imam hendaklah berkhutbah dengan dua khutbah seperti khutbah hari raya, kecuali kedua-duanya hendaklah dimulai dengan istighfar sembilan kali pada khutbah pertama dan tujuh kali pada khutbah kedua sebagai ganti takbir.

Apabila khutbah kedua bermula dan berlalu satu pertiga daripadanya, khatib hendaklah berpaling ke arah kiblat dan mengubah kedudukan kain lepas/selendang dengan dijadikan bahagian atas kebawah, bahagian bawah keatas, bahagian kanan kekiri dan bahagian kiri ke kanan sebagai tanda kehinaan dihadapan Allah.

Orang ramai disunatkan melakukan perkara yang dilakukan oleh khatib. Khatib hendaklah memperbanyakkan istighfar,berdoa,bertaubat,bertawassul dengan golongan yang soleh.

Keempat

Disunat membawa kanak-kanak kecil, orang-orang tua, binatang ternakan ke tempat sembahyang.

DALIL

روى ابن ماجه (1268)، عن أبي هريرة قال: خرج رسول الله r يوماً يستسقي، فصلى بنا ركعتين بلا أذان ولا إقامة، ثم خطبنا ودعا الله، وحول وجهه نحو القبلة رافعاً يديه، ثم قلب رداءه: فجعل الأيمن على ا لأيسر والأيسر على الأيمن.

DOA RASULULLAH

اللهم اجعلها سقياً رحمة، ولا تجعلها سقياً عذاب، ولا محق ولا بلاء، ولا هدم ولا غرق. اللهم على الظراب والآكام، ومنابت الشجر وبطون الأودية، اللهم حوالينا ولا علينا. اللهم اسقنا غيثاً مغيثاً، هنيئاً مريئاً مريعاً، سحاً عاماً غدقاً طبقاً مجللاً، دائماً إلى يوم الدين.

اللهم اسقنا الغيث ولا تجعلنا من القانطين، اللهم إن بالعباد والبلاد من الجهد والجوع والضنك، ما لا نشكو إلا إليك. اللهم أنبت لنا الزرع وأدرّ لنا الضرع، وأنزل علينا من بركات السماء، وأنبت لنا من بركات الأرض، واكشف عنا من البلاء ما لا يكشفه غيرك، اللهم إنا نستغفرك إنك كنت غفاراً، فأرسل السماء علينا مدراراً.

SEKIAN

TERIMA KASIH